

Headline	INVESTKL Sasar tarik 13 syarikat multinasional tahun ini		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	B1,2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	376 cm ²
Journalist	Oleh Mahanum Abdul Aziz	AdValue	RM 12,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,883




INVESTKL
 Sasar tarik 13 syarikat multinasional tahun ini
Ms.B2

Headline	INVESTKL Sasar tarik 13 syarikat multinasional tahun ini		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	B1,2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	376 cm ²
Journalist	Oleh Mahanum Abdul Aziz	AdValue	RM 12,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,883

InvestKL sasar tarik 13 MNC

➔ Kelebihan Greater KL antara sandaran capai matlamat 2016

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Selepas menarik 10 syarikat multinasional (MNC) dengan nilai pelaburan RM788 juta tahun lalu, InvestKL menetapkan sasaran untuk menarik 13 lagi syarikat tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zainal Aman Shah, berkata pihaknya kini giat mengadakan perbincangan dengan syarikat Fortune 500 dan Forbes 2000 yang terus menunjukkan minat untuk melabur di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, perkembangan positif juga dapat dilihat pada separuh kedua tahun ini.

“Kami berupaya untuk memanfaatkan kelebihan Greater KL dari segi lokasinya, kredibiliti, kos berdaya saing, kepelbagaian budaya, transformasi pembangunan infrastruktur dan kepelbagaian pilihan untuk hab perniagaan,” katanya menerusi kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Syarikat Perancis bertaraf global, Worldline adalah antara 51 MNC yang melabur di Greater KL dengan membuka hab Pengurusan dan Inovasi bagi Asia Pasifik di Kuala Lumpur.

Syarikat pengeluar bahan kimia khusus dari Switzerland, Clariant turut memilih Kuala Lumpur sebagai ibu pejabatnya di Asia Pasifik bagi perniagaan perkhidmatan minyak, manakala satu lagi syarikat Perancis, Colas Rail menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab operasi serantau ASEAN.

Bawa perubahan pesat

Mengulas mengenai pelaburan syarikat itu, Zainal berkata, syarikat MNC berkenaan turut membawa perubahan pesat dalam landskap perniagaan di

ibu negara.

Katanya, kehadiran syarikat berkenaan juga menarik individu berkepakaran tinggi dari seluruh dunia melalui kerjasama secara aktif dengan syarikat tempatan untuk memupuk inovasi, meningkatkan kemahiran pekerja dan melebarkan sayap dalam pelbagai peluang perniagaan lain.

Sebagai contoh, syarikat Perancis, VINCI Construction dan Universiti Malaya menjalin kerjasama untuk membina rumah kos rendah unik yang menggunakan teknologi hijau dengan mengitar semula sisa buangan industri besi dan kelapa sawit.

“Rumah contoh ini mampu menjadi satu daripada penyelesaian untuk menangani isu perumahan di Malaysia serta dapat diguna pakai di seluruh dunia,” katanya.

Percepat pelepasan kargo

Sementara itu, kerjasama antara syarikat minyak dan gas Schlumberger, Perbadanan Produktiviti Malaysia, Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pengendali pelabuhan PKFZ Sdn Bhd juga menghasilkan penyelesaian dalam talian inovatif bagi mempercepatkan urusan pelepasan kargo sehingga 85 peratus, sekali gus berjaya mempertingkatkan operasi serantau Schlumberger.

Selain itu, syarikat teknologi IBM menjalin kerjasama dengan Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor untuk memberikan latihan dan peluang pekerjaan kepada siswazah tempatan melalui program latihan amali, IBM Brighter Blue.

Headline	INVESTKL Sasar tarik 13 syarikat multinasional tahun ini		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	B1,2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	376 cm ²
Journalist	Oleh Mahanum Abdul Aziz	AdValue	RM 12,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,883

Laporan Prestasi InvestKL 2015

Info

→ **Pelaburan** 10 syarikat pada 2015 mewujudkan 672 pekerjaan berkemahiran tinggi di peringkat serantau
 → **Dalam** tempoh 2011-2015, InvestKL menarik 51 MNC dengan nilai pelaburan komited dan diluluskan mencecah RM5.9 bilion dan wujud lebih 7,000 pekerjaan serantau

→ **32 peratus** atau RM1.9 bilion daripada nilai pelaburan RM5.9 bilion itu sudah direalisasikan
 → **66.9 peratus** atau 4,786 daripada 7,156 pekerjaan serantau berkemahiran tinggi yang diwujudkan sudah diisi
 → **Impak** pelaburan MNC terhadap

pertumbuhan pasaran hartanah di KL dan Selangor melalui penyewaan ruang pejabat bernilai kira-kira RM39.9 juta
 → **Pelaburan** 51 syarikat MNC itu juga memberi kesan positif terhadap sektor sampingan seperti industri keraian, pendidikan, perubatan dan pelancongan



Kami berupaya memanfaatkan kelebihan Greater KL dari segi lokasi, kredibiliti, kos berdaya saing, kepelbagaian budaya, transformasi pembangunan infrastruktur dan kepelbagaian pilihan untuk hab perniagaan”

Zainal Amanshah,
 Ketua Pegawai Eksekutif
 InvestKL